

Pembangunan Pelancongan Kuala Kedah untuk “Semua”: Kriteria dan Tanda Aras Kelestarian untuk Pertimbangan

Mohamad Zaki Ahmad zaki.ahmad@uum.edu.my

Johan Afendi Ibrahim afendi@uum.edu.my

Norhanim Abdul Razak norhanim@uum.edu.my

Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah.

ABSTRAK

Kuala Kedah yang merupakan sebuah pekan kecil yang lebih dikenali sebagai sebuah pekan nelayan di Muara Sungai Kedah sesungguhnya mempunyai beberapa tarikan terutamanya kesan peninggalan warisan sejarah silam dan landskap semulajadi pelancongan yang menarik. Dengan sumber warisan dan tarikan semulajadi yang pelbagai di samping kemudahan infrastruktur berkaitan yang baik, Kuala Kedah mempunyai potensi yang amat besar untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang baru. Justeru, pembangunan Kuala Kedah sebagai satu destinasi pelancongan mampu menyumbang manfaat dan faedah yang dapat membantu penduduk terutamanya dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Menyedari bahawa kebanyakan tarikan utama pelancongan adalah berkaitan dengan elemen alam semulajadi dan warisan yang sememangnya tidak dapat diperbaharui, maka usaha penjagaan dan pemuliharaan sumberjaya-sumberjaya yang berkenaan adalah amat diperlukan dan seharusnya dilaksanakan secara berterusan. Dalam konteks ini, konsep pembangunan lestari adalah antara alternatif terbaik untuk dipraktik dan diadaptasikan dalam pembangunan pelancongan. Maka, bagi membantu pihak berkepentingan untuk mewujudkan satu bentuk pembangunan pelancongan yang bakal memberikan manfaat dan sumbangan kepada “semua”, kertas seminar ini mencadangkan ‘kriteria dan tanda aras kelestarian’ untuk dipertimbangkan dalam proses pembangunan pelancongan untuk pekan kecil nelayan ini.

Katakunci: Pembangunan Pelancongan, Kelestarian, Kriteria, Tanda Aras

ABSTRACT

Kuala Kedah, a small town popularly known as a fisherman “village” in Muara Sungai Kedah, really has few great attractions particularly historical relics and its interestingly unique natural landscapes. With abundance of heritage and natural touristic resources together with good infrastructural facilities, Kuala Kedah surely does have a great potential to be developed as a new tourism destination. Hence, development of Kuala Kedah as a tourism destination potentially can contribute great positive impacts and benefits towards the enhancement of its local community’s socioeconomic standard. Realizing that most tourist main attractions are dependent on non-renewable natural and heritage resources, preservation and conservation efforts of those resources should be properly and continuously carried out. In this context, the concept of sustainable development is one of the best alternatives to be practiced and adapted in any tourism-related development in Kuala Kedah. Therefore, to assist various stakeholders to come up with a ‘sound’ tourism development that has great potential in generating positive “outputs” to “all”, this seminar paper is proposing “criteria and indicators of sustainability” for consideration in Kuala Kedah’s tourism development process.

Keywords: Tourism Development, Sustainability, Criteria, Indicators

PENGENALAN

Sumberjaya alam sekitar merupakan tunjang utama kepada kebanyakan produk pelancongan memandangkan pelancongan bergantung kepada aspek pengekalan ciri-ciri menarik untuk dilihat dan

dialami sebagaimana yang diinginkan pengunjung atau pelancong yang melawat destinasi berkenaan. Bergantung kepada kecekapan sesuatu pembangunan pelancongan itu dirancang, pelancongan berupaya 'menjana' kedua-dua impak samada positif ataupun negatif dalam konteks persekitaran dan alam sekitar. Impak-impak berkaitan juga berkemungkinan untuk berlaku di sesebuah destinasi bergantung kepada jenis dan skala pembangunan pelancongan serta ciri-ciri alam sekitar di kawasan tersebut.

Bergantung kepada beberapa faktor yang tertentu, pelancongan dilihat mempunyai 'kuasa untuk membangun dan menambahbaik' persekitaran, memelihara budaya dan sejarah, menyediakan dana untuk pemuliharaan sumberjaya, menetapkan 'had penggunaan lestari' (*sustainable use limits*) dan melindungi tarikan alam semulajadi. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa pelancongan juga turut mempunyai 'kuasa untuk memusnah dan merosakkan' persekitaran. Sekiranya pelancongan tidak dirancang dan dilaksanakan secara baik, ia boleh merosakkan tumbuh-tumbuhan, menimbulkan masalah kesesakan dan sampah sarap berlebihan, masalah pembinaan tidak terkawal, masalah pencemaran, masalah perumahan, masalah saliran dan pembentungan serta mengeneipkan keperluan dan struktur penduduk setempat atau masyarakat 'tuan rumah'. Menurut Lickorish dan Jenkins (1999), melalui kesedaran global terhadap alam sekitar, para perancang pelancongan masa kini lebih menyedari dan memahami tanggungjawab mereka terhadap generasi masa depan melalui 'penggunaan' sumberjaya semulajadi secara terancang dan lebih berhati-hati. Memandangkan *trend* peningkatan dan pertumbuhan positif pelancongan dunia, pembangunan pelancongan lestari adalah pendekatan dan kaedah yang amat diperlukan pada hari ini.

Sesungguhnya, tanpa didorong oleh faktor 'tarikan' (*attraction*) sebagai motivasi utama, jumlah kedatangan pelancong dalam (domestik) dan luar negara mungkin tidak akan mencatatkan satu rekod yang memberangsangkan. Memandangkan kebanyakan tarikan utama negara adalah berkaitan dengan elemen alam semulajadi dan warisan yang sememangnya tidak dapat diperbaharui, maka usaha penjagaan dan pemuliharaan sumberjaya-sumberjaya yang berkenaan adalah amat diperlukan dan dilaksanakan secara berterusan. Kemusnahan tarikan alam semulajadi dan warisan sesungguhnya akan menjejaskan industri pelancongan negara. Dalam konteks ini, konsep pembangunan lestari adalah antara alternatif terbaik untuk dipraktik dan diadaptasikan dalam pembangunan pelancongan.

Konsep kelestarian sebagai satu sumber pembangunan dan falsafah pengurusan perlu diamal dan dilaksanakan di semua peringkat dasar dan amalan yang berkaitan dengan pelancongan, daripada peringkat setempat (*local*) hinggalah ke peringkat global. Dalam konteks ini, pengurusan pelancongan lestari bagi persekitaran fizikal dan semulajadi perlu lebih diberikan tumpuan berbanding sebelumnya dan mesti wujud serentak bersama-sama objektif ekonomi, sosiobudaya dan keselamatan dan kesihatan setempat dan negara. Pencarian terhadap keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan perlindungan sumberjaya semulajadi merupakan cabaran yang besar samada kepada negara-negara mundur ataupun maju untuk bekerjasama dalam pembangunan pelancongan lestari atau bersaing bagi membangunkan pelancongan antarabangsa. Untuk terus mengekalkan sumberjaya setempat dan memastikan pembangunan pelancongan yang bakal diteruskan akan berterusan menyumbang 'hasil dan manfaat' terutamanya dalam memastikan kesejahteraan masyarakat setempat, Kuala Kedah turut tidak terkecuali daripada memberikan keutamaan dan pertimbangan yang sewajarnya terhadap aspek pembangunan lestari. Bagi membantu memastikan kelancaran pembangunan pelancongan yang lebih mapan, penerapan dan aplikasi "kriteria dan tanda aras kelestarian" oleh "semua" pihak berkepentingan dalam keseluruhan proses perancangan dan pembangunan pelancongan di Kuala Kedah adalah amat digalakkan.

METODOLOGI

Dalam konteks kertas persidangan ini, kaedah yang dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan adalah ringkas dan lebih memberikan fokus kepada pengumpulan data sekunder. Namun, data primer turut diperolehi terutamanya daripada analisis awalan data kajian PhD yang bertajuk "Sikap dan persepsi masyarakat nelayan terhadap pembangunan pelancongan di Kuala Kedah: ke arah pembangunan pelancongan lestari" (Mohamad Zaki Ahmad, 2011) serta temubual ringkas melalui telefon dengan individu-individu bertanggungjawab daripada jabatan dan organisasi berkaitan dan daripada temubual ringkas dengan beberapa pemimpin penduduk di Kuala Kedah. Data sekunder pula diperolehi daripada bahan-bahan rujukan yang berkaitan seperti jurnal, tesis, kenyataan akhbar, warta kerajaan, keratan akhbar dan lain-lain bahan rujukan yang diperolehi daripada dua buah perpustakaan, agensi-agensi yang berkenaan dan laman-laman web agensi, pertubuhan dan kementerian yang berkaitan.

Berikut adalah kaedah pengumpulan data dan maklumat bagi tujuan penyediaan kertas kerja ini:

- Kajian kepustakaan – ianya membantu mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang berkaitan. Data yang telah diperolehi melalui teknik penyelidikan perpustakaan ini merupakan data yang telah digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Dua buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Awam Negeri Kedah di Alor Star dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah di Universiti Utara Malaysia telah dikunjungi bagi mendapat dan mengumpulkan data dan maklumat-maklumat berkenaan.
- Penyelidikan internet – beberapa laman web berkaitan seperti Kementerian Pelancongan, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, World Tourism Organisation (UNWTO) dan beberapa universiti dan organisasi tertentu telah dilayari dan ditinjau. Data dan maklumat yang diperolehi juga membantu menjawab beberapa persoalan berkaitan topik yang dibincangkan.
- Temubual melalui telefon – beberapa temubual ringkas melalui telefon telah dibuat bagi mendapatkan maklumat berkaitan seperti jumlah penduduk dan nelayan, tindakan dan usaha yang dilakukan oleh agensi dan organisasi berkaitan dalam mempromosikan tarikan Kuala Kedah dan maklumat-maklumat lain. Dalam konteks ini, beberapa individu daripada jabatan, agensi dan organisasi berkaitan seperti Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS), Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kedah, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah (MTPN), Jabatan Perangkaan Negeri Kedah dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kedah telah ditemubual secara ringkas.
- Temubual ringkas dengan beberapa pemimpin penduduk – melalui beberapa temubual ringkas ini, maklumat seperti keunikan dan tarikan Kuala Kedah, kesediaan masyarakat menerima dan memberikan layanan mesra kepada ‘orang asing’ dan harapan untuk masyarakat mendapat manfaat dan faedah daripada pembangunan pelancongan telah dapat diperolehi.
- Pengamatan ringkas di kawasan kajian – bertujuan menentukan perkara yang diperhati, diselidiki dan diteliti. Walaupun pemerhatian dilakukan tanpa aturcara tertentu, daripada pengamatan atau tinjauan awal tersebut beberapa idea dan maklumat yang amat berguna bagi kertas kerja ini seperti aktiviti-aktiviti dan tarikan-tarikan yang menarik minat pelawat dan pelancong di Kuala Kedah, bentuk-bentuk kemudahan dan infrastruktur yang terdapat di Kuala Kedah, interaksi (hospitaliti) masyarakat terutamanya pembekal perkhidmatan dengan ‘orang asing’ dan lain-lain maklumat berkaitan secara umumnya telah dapat diperolehi.

PELANCONGAN LESTARI: DEFINISI DAN PENDEKATAN KONSEP

Bukan mudah untuk mendefinisikan ‘pembangunan pelancongan lestari’ kerana ia perlu dikaitkan dengan keperluan pelancongan hari ini dengan penekanan dan pertimbangan untuk keperluan generasi masa depan. Secara umumnya pembangunan pelancongan lestari bermaksud mencapai kemajuan atau pembangunan dalam ertikata yang tidak mengganggu gugat atau merosakkan persekitaran semulajadi dan persekitaran ‘buatan’ pada masa sama memelihara aspek budaya masyarakat setempat. Konsep pembangunan pelancongan lestari dapat meningkatkan pengiktirafan dan kesedaran terhadap pentingnya pengurusan lestari bagi sumberjaya-sumberjaya pelancongan yang terhad yang seterusnya mewujudkan produk pelancongan berkualiti melalui usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumberjaya. Sesungguhnya, manusia mempunyai kawalan ke atas penggunaan sumberjaya alam sekitar samada secara positif ataupun sebaliknya. Dalam konteks ini, pelancongan dilihat sebagai ‘alat’ bagi memperbaiki dan memelihara alam sekitar ataupun punca kepada kemusnahan alam sekitar.

Sensitiviti terhadap alam sekitar semakin menjadi komponen utama bagi strategi pelancongan antarabangsa di mana terlalu kerap kita lihat insiden-insiden melibatkan pelawat-pelawat tidak mempunyai kesedaran terhadap persekitaran di sekeliling mereka. Ada pelancong atau pelawat menginginkan cenderamata unik daripada kerang-kerangan, tumbuh-tumbuhan atau batu-batuan eksotik. Ada juga pelancong secara langsung ataupun tidak langsung ‘mengubah’ aspek habitat atau persekitaran semulajadi bagi flora tertentu yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan biologi bagi spesies flora dan fauna yang berkenaan. Vandalisme (dan kadangkala menjadi aktiviti keganasan) oleh pelancong atau pelawat seperti menconteng dan merosakkan papan tanda pelancongan, memetik bunga atau tumbuhan yang dilarang, menyeksa dan memukul haiwan, merosak serta mencuri artifak berharga masyarakat asli mendatangkan kemusnahan dan meninggalkan impak yang besar terhadap persekitaran.

Melalui pendekatan pembangunan lestari, konsep pembangunan ini di'bayangkan' sebagai "...sumber-sumber semulajadi, kebudayaan dan sumber-sumber lain pelancongan dipulihara untuk kegunaan berterusan di masa hadapan, dan masih memberikan faedah-faedah kepada masyarakat sekarang". Dalam konteks ini, cabaran yang perlu ditangani adalah mencari keseimbangan antara kelima-lima elemen yang memenuhi kehendak semua pihak. Perbezaan kehendak dan minat (fokus) antara pengusaha (termasuk pembekal/bisnes) dan pengguna dalam pelancongan seringkali mengabaikan aspek kelestarian pelancongan. Manakala tuan rumah dan pelancong (*hosts and guests*) pula melihat persekitaran pelancongan melalui kacamata yang berbeza. Artikel bertajuk "*Alternative Paths to Sustainable Tourism*" meringkaskan **LIMA** elemen utama bagi kelestarian pelancongan seperti berikut:

1. Memelihara asas sumberjaya sediaada untuk generasi akan datang.
2. Mengekalkan produktiviti bagi asas sumberjaya yang berkenaan.
3. Mengekalkan biodiversiti dan mengelakkan perubahan alam sekitar yang tidak dapat di'perbaiki'.
4. Memastikan ekuiti generasi sekarang dan antara generasi.
5. Mengekal dan melindungi warisan (budaya dan sejarah) di semua peringkat merangkumi kawasan setempat, kebangsaan dan serantau.

World Tourism Organization mendefinisikan pelancongan lestari sebagai "memenuhi keperluan semasa pelancong dan destinasi pada masa sama melindungi dan meningkatkan peluang-peluang untuk masa hadapan... menuju kepada pengurusan semua sumberjaya yang berkaitan melalui cara di mana keperluan ekonomi, sosial dan estetika dapat dipenuhi sementara mengekalkan integriti budaya, proses ekologi penting, kepelbagaian biologi, dan sistem sokongan hidup" (WTO, 1998). Garispanduan dan amalan pengurusan bagi pembangunan pelancongan lestari adalah terpakai kepada semua bentuk pelancongan dalam semua destinasi termasuklah pelancongan massa dan pelancongan alternatif. Secara umumnya, prinsip-prinsip kelestarian merujuk kepada aspek-aspek alam sekitar, ekonomi dan sosiobudaya bagi pembangunan pelancongan dan keseimbangan yang setara mesti diperolehi antara ketiga-tiga dimensi ini bagi menjamin kelestarian untuk satu jangkmasa yang panjang.

PRINSIP KELESTARIAN

Terdapat pelbagai petunjuk menerangkan pendekatan bersepadu dalam perancangan dan pengurusan pelancongan diperlukan bagi mencapai pelancongan lestari. Sejak kebelakangan ini dapat dilihat meningkatnya pengiktirafan terhadap kepentingan menggabungkan aspek-aspek pengurusan bandar tradisional (pengangkutan, perancangan guna tanah, pemasaran, pembangunan ekonomi, perancangan keselamatan dan sebagainya) dengan keperluan bagi perancangan untuk pelancongan. Antara prinsip-prinsip terpenting bagi pembangunan pelancongan lestari adalah seperti di dalam Jadual 1.

Pembangunan pelancongan lestari dapat memenuhi keperluan ekonomi, sosial, dan estetika di samping mengekalkan keutuhan dan integriti kebudayaan serta proses-proses ekologi. Ia juga memberi dan menyediakan pelancong dan *host* (tuan rumah) peluang yang sama dalam melindungi serta memelihara sumberjaya sedia ada. Walaupun begitu, pembangunan pelancongan lestari perlu turut melibatkan proses membuat pilihan politik yang sukar berdasarkan perubahan sosial, ekonomi dan persekitaran yang kompleks. Justeru, para perancang tempatan boleh menggunakan prinsip-prinsip berikut sebagai panduan asas apabila mencuba untuk mengintegrasikan wawasan yang lebih luas dengan dasar-dasar dan amalan-amalan tempatan:

- Perancangan, pembangunan dan operasi pelancongan menjadi sebahagian daripada strategi-strategi pemuliharaan dan pembangunan mapan samada bagi peringkat setempat, negeri atau negara. Perancangan, pembangunan dan operasi pelancongan sepatutnya bersifat 'silang-sektor' (*cross-sectoral*) dan bersepadu melibatkan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan, syarikat-syarikat swasta, pertubuhan-pertubuhan dan individu-individu bagi mendapatkan manfaat yang lebih luas.
- Agensi-agensi, syarikat-syarikat swasta, kumpulan-kumpulan dan individu-individu perlu mematuhi prinsip etika yang 'menghormati' budaya dan persekitaran tuan rumah, ekonomi, cara hidup masyarakat dan tingkah laku tradisional, kepimpinan dan fahaman politik masyarakat setempat.

- Pelancongan harus dirancang dan diuruskan secara mapan dengan memberikan tumpuan terhadap perlindungan dan penggunaan sumberjaya persekitaran semulajadi masyarakat setempat yang bersesuaian secara ekonomi.
- Pelancongan seharusnya dibangunkan berlandaskan ekuiti bagi pengagihan dan perkongsian faedah-faedah dan kos-kos secara adil oleh penganjur-penganjur pelancongan, masyarakat tuan rumah dan kawasan pembangunan itu sendiri.
- Maklumat, penyelidikan dan komunikasi yang menyeluruh mengenai pelancongan dan kesannya terhadap alam sekitar dan kebudayaan perlu disiapkan sepanjang proses pembangunan, terutamanya bagi orang tempatan, supaya mereka boleh menyertai dan mempengaruhi hala tuju pembangunan.
- Orang tempatan digalakkan untuk menerajui kepimpinan dalam perancangan dan pembangunan pelancongan dengan dibantu pihak kerajaan, pengusaha pelancongan, institusi kewangan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
- Analisis perancangan alam sekitar, sosial dan ekonomi secara bersepadu patut dijalankan sebelum dimulakan sebarang projek dengan memberikan pertimbangan yang teliti terhadap penggunaan sedia ada, cara hidup masyarakat setempat dan aspek-aspek alam sekitar di kawasan yang berkenaan.
- Di semua peringkat pembangunan dan operasi pelancongan, program penilaian dan pemantauan serta rundingan yang teliti harus dikendalikan secara teratur bagi membolehkan masyarakat tempatan dan lain-lain pihak mengambil kesempatan ke atas peluang-peluang yang diperolehi atau bertindak balas terhadap perubahan-perubahan tertentu.

KRITERIA DAN TANDA ARAS KELESTARIAN: RASIONAL DAN TUJUAN

Kriteria dan tanda aras kelestarian yang dicadangkan bakal menjadi garis panduan yang akan diguna pakai terutamanya dalam proses perancangan, pemantauan dan penilaian projek yang bakal dibangunkan. Secara umumnya, kriteria-kriteria yang dicadangkan bakal menyediakan jawapan kepada persoalan: Apakah sebenarnya yang kita hendak capai melalui pembangunan pelancongan lestari? Justeru, tujuan utama cadangan pembentukan kriteria dan tanda aras kelestarian ini adalah untuk membantu SEMUA pihak berkepentingan dalam pembangunan pelancongan di Kuala Kedah memahami dengan lebih baik mengenai kelompok atau 'kumpulan' kriteria kelestarian yang diterima pakai secara umum yang boleh disepadukan dan dipraktikkan dalam proses perancangan projek yang bakal dibangunkan. Tambahan pula, kriteria kelestarian itu sendiri adalah satu mekanisme yang penting dan amat sesuai dalam membuat jangkaan implikasi pembangunan projek pelancongan di Kuala Kedah itu sendiri.

Secara umumnya, "kriteria" menekankan tentang matlamat-matlamat yang cuba dicapai melalui pembangunan pelancongan lestari. Kriteria juga turut menggambarkan sesuatu keadaan dan/atau penambahbaikan ciri-ciri sesuatu kawasan destinasi pelancongan, produk pelancongan atau pembangunan pelancongan secara umum. Maka, dapat diandaikan bahawa sekiranya kriteria-kriteria ini dipenuhi atau dibuktikan benar, maka bolehlah dikatakan bahawa pelancongan tersebut telah dibangunkan secara mapan. Dalam menentukan jika sesuatu kriteria itu dipenuhi, penanda aras tertentu boleh diguna pakai. Dalam konteks ini, penanda aras merupakan ciri-ciri atau *figures* yang menunjukkan keadaan atau perubahan keadaan sedia ada sesuatu kriteria. Setiap kriteria harus mempunyai sekurang-kurangnya satu atau seboleh-bolehnya lebih daripada satu penanda aras yang boleh diukur dengan cara yang diakui secara saintifik dan sebaik-baiknya dengan cara yang objektif. Untuk menukar tahap kepentingan suatu kriteria, ianya boleh diimbangi kepada taraf yang bersesuaian untuk menilai tahap atau takat peningkatan sesuatu kriteria dengan secukupnya.

Dalam menggambarkan sesuatu tanda aras, bukan sahaja ciri-ciri atau angka (nilai) sahaja yang patut dijelaskan, tetapi kaedah ukuran yang digunapakai juga seharusnya dihuraikan untuk menjelaskan lagi kaedah kutipan data bagi tujuan penilaian pelancongan yang betul. Adalah amat penting untuk mengambil kira yang angka-angka (nilai) yang diukur melalui tanda aras di mana ianya perlu ditafsir secara keseluruhan oleh pakar bebas yang berkepercayaan. Memandangkan rangka kerja pelancongan dan keadaan sosioekonomi antara satu kawasan dengan kawasan yang lain adalah berbeza, angka-angka "umum" ini sebenarnya mampu membuktikan secara memuaskan samada sesuatu kriteria itu dapat dipenuhi atau sebaliknya.

Walaupun bagaimanapun, adalah penting untuk menyedari bahawa walaupun senarai kriteria yang dihuraikan untuk pembangunan pelancongan lestari secara amnya boleh digunapakai oleh semua bentuk

dan jenis pelancongan yang wujud di segenap tempat (destinasi) di serata dunia; namun, set tanda aras bagi kriteria tertentu harus dipilih secara teliti dan perlu diselaraskan menurut keadaan tertentu di kawasan di mana kelestarian pelancongan bakal dinilai atau diaplikasikan dalam perancangan untuk pembangunan pelancongan baharu. Oleh yang demikian, tanda aras seperti yang dicadangkan dalam kertas persidangan ini tidak mewakili senarai penuh tanda aras dan tidak seharusnya dianggap sebagai satu senarai yang mutlak, tetapi hanya sebagai contoh untuk menggambarkan dimensi-dimensi suatu kriteria sahaja yang dijangka dapat membantu merealisasikan pembangunan pelancongan lestari di Kuala Kedah.

EMPAT KELOMPOK KRITERIA

Terdapat 18 kriteria kelestarian yang dibahagikan kepada empat kelompok yang disaran untuk dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan pelancongan di Kuala Kedah. Secara umumnya, bersama beberapa tanda aras yang berkaitan, setiap kriteria yang dicadangkan bakal menyediakan jawapan kepada persoalan: Apakah sebenarnya yang kita hendak capai melalui pembangunan pelancongan lestari?

Justeru, empat kelompok kriteria kelestarian yang berikut adalah dicadangkan (sepaimana disenaraikan dalam Rajah 1):

1. Kesejahteraan masyarakat,
2. Penjagaan dan pemeliharaan persekitaran budaya dan alam sekitar,
3. Kualiti produk dan kepuasan pelancong, dan
4. Pengurusan dan pemantauan.

KELOMPOK SATU: Kebajikan Masyarakat

Pembangunan pelancongan lestari menyokong dan dapat memastikan agar keadaan dan status ekonomi, sosial dan budaya sesuatu masyarakat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti pelancongan berada di tahap yang baik. Dalam kelompok kriteria kelestarian ini, ianya merangkumi aspek penjana sumber pendapatan di samping peningkatan budaya setempat sehinggalah kepada usaha pengukuhan proses penyertaan dan penglibatan penduduk setempat dalam pembangunan pelancongan. Terdapat tujuh (7) kriteria kelestarian bagi kelompok yang pertama ini:

Pendapatan dan hasil

Pendapatan kewangan daripada pelancongan dapat menyumbang kepada peningkatan taraf hidup, keselamatan dan kestabilan sosial serta menjana lebih banyak peluang untuk pembangunan dan kebolehan berdikari atau menampung diri sendiri terutamanya bagi masyarakat setempat di sebuah destinasi. Pelancongan mampu menyediakan peluang pendapatan bagi individu, keluarga atau masyarakat keseluruhan melalui pelbagai cara. Antaranya termasuklah peluang pekerjaan secara langsung atau tidak langsung, perniagaan persendirian serta hasil kepada kerajaan melalui cukai, bayaran dan pelaburan yang berkaitan. Dalam menilai penjana hasil pendapatan daripada pelancongan, adalah perlu untuk mengambil kira bukan sahaja perangkaan aliran masuk tunai, tetapi juga usaha yang diambil oleh pemaju pelancongan lestari dalam mempengaruhi perbelanjaan pelancong. Antara kemungkinannya termasuklah menyokong rangkaian bekalan melalui penubuhan koperasi setempat atau serantau yang membolehkan masyarakat setempat mengambil bahagian di dalam perniagaan pelancongan menerusi pembinaan kapasiti, pendidikan dan program-program latihan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 1:

- Peratusan pendapatan masyarakat yang berasal dari pelancongan
- Peratusan keluarga tempatan yang mempunyai sebarang bentuk pendapatan dari pelancongan
- Jenis pendapatan (pembekalan barangan dan perkhidmatan, pekerjaan, syarikat)
- Nisbah perniagaan tempatan dan perniagaan milik bukan tempatan yang terlibat dalam pelancongan
- Nisbah pelancongan dan sumbangannya terhadap KDNK

Peluang Pekerjaan

Kriteria ini bukan hanya semata-mata merujuk kepada sumbangan ekonomi daripada pelancongan terutamanya berkaitan gaji atau upah yang diterima. Pelancongan lestari sepatutnya juga menjadi pemacu bagi meningkat dan menambahbaik keadaan kerja, memastikan dan menguatkuasakan peraturan serta undang-undang berkaitan tenaga kerja dalam pelancongan, dan menggalakkan pembasmian kemiskinan serta menyokong kesamarataan ekuiti sosial. Penawaran pekerjaan, latihan dan pendidikan, terutamanya bagi golongan “terpinggir” dan individu-individu yang sebelum ini kurang berpeluang atau sukar menembusi pasaran kerja, adalah sesuatu yang amat “bernilai”. Kecenderungan sesuatu kawasan pelancongan untuk terlalu bergantung kepada pelancongan terutamanya, akan menimbulkan pelbagai masalah kerana sektor pelancongan seringkali mengalami perubahan ketara dan keadaan permintaan yang tidak menentu. Risiko krisis ekonomi dan kemerosotan seluruh kawasan pelancongan sehingga mengakibatkan pendapatan penduduk terjejas adalah satu perkara yang berkemungkinan boleh berlaku. Justeru, adalah penting dalam konteks kriteria ini untuk menyediakan langkah dan strategi bagi mengurangkan risiko kebergantungan ini serta risiko pekerjaan bermusim.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 2:

- Peratusan penduduk yang diambil kerja dalam bidang pelancongan atau industri berkaitan
- Peratusan pekerja berkelayakan dalam bidang pelancongan
- Peratusan pekerja sepenuh masa dan sambilan dalam bidang pelancongan
- Kadar pengangguran pada masa bukan musim pelancongan
- Peratusan kerja bermusim dan akhir tahun berkaitan pelancongan
- Peratusan warga tempatan dalam bidang pelancongan/ Peratusan tenaga kerja yang diimport.
- Peluang latihan semasa kerja, peluang untuk mendapat kelulusan/kelayakan
- Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kebergantungan terhadap industri pelancongan.

Pengukuhan dan Kelestarian Ekonomi Setempat

Untuk mengelakkan kebocoran sumber kewangan, pembangunan pelancongan lestari seharusnya dijalankan sejajar dengan usaha mengukuhkan ekonomi setempat. Menggalakkan penglibatan masyarakat setempat dalam perniagaan dapat membuka peluang untuk mereka mendapatkan pulangan maksima daripada aktiviti pelancongan sewajarnya menjadi sasaran dan penekanan utama pihak yang bertanggungjawab. Sekiranya pelancongan menggunakan sumber-sumber tempatan seperti bahan binaan dan tenaga kerja tempatan, ia menyumbang kepada pendapatan penduduk setempat serta mengurangkan kos terutamanya kos berkaitan pengangkutan. Selain itu, pelancong dan penduduk setempat juga akan dapat berkongsi kemudahan infrastruktur pelancongan dan turut sama menggunakan barangan tempatan yang boleh didapati melalui pembangunan pelancongan di tempat yang berkenaan. Persaingan untuk bekalan antara penduduk tempatan dengan peniaga pelancongan pada musim puncak perlu dielakkan sebagaimana situasi kekurangan bekalan kepada penduduk setempat ketika di luar musim pelancong. Pelancongan seharusnya bertindak sebagai pemangkin ekonomi dengan membina jaringan kukuh perniagaan serta menjana lebih banyak bentuk perniagaan yang lebih menguntungkan.

Selain kebocoran pendapatan langsung daripada sektor pelancongan, pelancongan juga boleh mengakibatkan kekurangan sumber-sumber tertentu yang disebabkan oleh perlunya kepada pelaburan tambahan bagi sektor pelancongan seperti pembinaan jalanraya atau kemudahan infrastruktur yang lain di mana penduduk setempat turut sama menanggung kosnya. Faktor lain yang boleh mengurangkan pendapatan daripada pelancongan di kalangan penduduk setempat adalah kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang berlaku selepas aktiviti pelancongan bertambah rancak di kawasan tersebut. Kesimpulannya, adalah perlu untuk dipastikan agar kos pelancongan tidak melebihi pendapatan yang dijana melalui pelancongan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 3:

- Bilangan industri kecil dan sederhana tempatan (IKS) yang berkait langsung dengan pelancongan yang dijalankan.
- Peratusan penduduk tempatan yang terlibat dengan perniagaan pelancongan.

- Jumlah barang yang diperolehi daripada sumber tempatan
- Langkah-langkah yang diambil untuk menangani dan mengurangkan kebocoran sumber dan pemilikan bukan tempatan.
- Langkah-langkah yang diambil untuk membolehkan ekonomi tempatan mendapat manfaat dan faedah maksimum daripada pelancongan (contoh: menerusi pembinaan kapasiti, insentif peniaga kecil, program-program dan skim kredit)
- Pendapatan tambahan yang dijana oleh pelancongan dalam perniagaan lain
- Peratusan tahunan perbelanjaan masyarakat setempat untuk pelancongan berbanding jumlah pendapatan pelancongan
- Statistik musim pelancongan (bilangan pelancong/bulan)
- Peruntukan infrastruktur tahunan

Peningkatan Taraf Hidup

Pembangunan pelancongan lestari boleh menjadi kuasa pemacu bagi aspek pentadbiran yang cemerlang yang mampu menyumbang terhadap peningkatan taraf hidup terutamanya menerusi penggunaan dana awam secara berhemah dan berkesan. Namun, ini sebenarnya merupakan satu matlamat yang agak sukar untuk dicapai. Oleh itu, pengwujudan cara lain yang lebih “langsung” untuk mencapai pengurusan atau peningkatan keadaan hidup adalah perlu; sebagai contoh, pelaburan dalam program yang diadakan oleh mereka yang berkepentingan dalam perniagaan pelancongan, seperti pengendali pakej pelancongan. Memandangkan perniagaan pelancongan bebas untuk menstrukturkan keuntungan mereka, maka adalah mudah bagi mereka yang terlibat untuk mengendali dan mengelolakan program-program sosial secara langsung. Usaha-usaha berkenaan bukan sahaja boleh dilakukan secara individu sama ada oleh pengendali pelancongan atau pelancong itu sendiri, malahan ianya juga boleh dilakukan secara berkumpulan atau usahasama oleh pihak-pihak seperti pengurus dana, pengendali projek dan program, pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Usaha-usaha ini juga boleh diaplikasi untuk mengurangkan kesan negatif pelancongan di sesuatu kawasan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 4:

- Bilangan dan kualiti kemudahan pembangunan yang dijana oleh aktiviti pelancongan
- Peratusan penduduk tempatan yang menggunakan kemudahan tersebut
- Nisbah pendapatan pelancongan yang dilabur semula oleh pihak berkepentingan kepada “tanggungjawab” awam
- Bilangan dan kualiti penyertaan secara langsung perniagaan pelancongan dalam projek atau program untuk meningkatkan taraf hidup

Penglibatan dan Kawalan Setempat

Sebarang bentuk pelancongan harus mendapat kebenaran dan dipersetujui oleh penduduk setempat. Penyertaan masyarakat setempat dalam proses membuat keputusan mengenai spatial/ruang bagi prasarana pelancongan dan kemudahan awam lain termasuk jenis dan tahap pelancongan serta pembangunan pelancongan yang berkaitan harus dipastikan melalui penglibatan pihak berkepentingan lain dan melalui proses-proses seperti pemberitahuan dan pendengaran awam. Penyertaan dan penglibatan masyarakat setempat adalah amat penting bukan sahaja bagi memastikan mereka mendapat manfaat dan “limpahan” daripada aktiviti pelancongan yang terancang, malah mereka semestinya perlu mendapat penghormatan atas taraf mereka sebagai “penduduk asal” tempat berkenaan yang sememangnya mempunyai hak untuk menentukan cara bagaimana sumberjaya alam dan kawasan yang mereka diami untuk digunakan. Justeru, langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi memastikan penglibatan awam dalam projek pelancongan haruslah merangkumi aspek pembinaan kapasiti dan peningkatan kesedaran awam terhadap isu-isu berkaitan perancangan dan politik.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 5:

- Bilangan tempat di mana maklumat berkenaan pembangunan pelancongan boleh didapati
- Bilangan orang yang meminta maklumat berkenaan pembangunan pelancongan

- Peratusan ahli masyarakat yang memahami secara jelas mengenai peranan perancangan pembangunan pelancongan lestari
- Peratusan ahli masyarakat yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan proses membuat keputusan
- Tahap dan kualiti penglibatan pihak berkepentingan dalam perbincangan dan proses membuat keputusan
- Kepuasan penduduk setempat dengan peluang penyertaan dalam pelancongan

Kepuasan Terhadap Pelancongan

Kepuasan penduduk setempat terhadap pembangunan pelancongan adalah berkait rapat dengan isu penglibatan seperti yang dinyatakan oleh Kriteria 5 di atas. Jika penilaian kriteria sebelum ini menasarkankan aspek teknikal dan prosedur organisasi penglibatan sesebuah komuniti, penilaian terhadap kepuasan terhadap pelancongan pula boleh menjurus kepada konklusi berkenaan perasaan dan sikap penduduk setempat terhadap pelancongan secara keseluruhan. Oleh itu, sebahagian daripadanya boleh digunakan sebagai pengukur bagi membuat jangkaan terhadap kejayaan bagi proses penglibatan. Sesungguhnya, kepuasan penduduk setempat dengan pelancongan juga boleh menyumbang kepada komitmen dan kesanggupan mereka dalam menyediakan apa jua yang diperlukan pelancong di tempat mereka.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 6:

- Peratusan penduduk tempatan yang percaya pelancongan dapat membantu membawa perkhidmatan-perkhidmatan dan infrastruktur baru ke kawasan mereka
- Peratusan penduduk tempatan yang berpuas hati dengan pembangunan pelancongan
- Sikap penduduk tempatan terhadap pelancong

Pengukuhan Aspek Sosiobudaya

Pelancong seharusnya digalakkan untuk mengetahui semua yang ditawarkan oleh sesuatu destinasi termasuklah aspek layanan mesra masyarakat setempat. Dengan menunjukkan minat dan penghargaan serta berusaha menyesuaikan diri dengan keistimewaan tempatan serta keunikan setempat, pelancong dapat menyumbang secara positif terhadap kesedaran setempat di kalangan penduduk. Pengalaman pengunjung yang menikmati cara hidup dan khazanah budaya tempatan akan menguatkan lagi penghayatan masyarakat setempat terhadap budaya dan tradisi mereka sendiri, dan ini seterusnya akan menyumbang terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan corak sosiobudaya mereka. Satu prasyarat bagi kriteria ini adalah pelancongan itu sendiri bukanlah sesuatu yang akan memudaratkan ciri-ciri sosiobudaya sesuatu kawasan pelancongan atau menyebabkan perubahan budaya yang ketara.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 7:

- Tahap kesedaran terhadap nilai-nilai tempatan
- Peratusan penduduk tempatan yang bangga akan komuniti dan budaya sendiri
- Perubahan dalam gaya hidup tempatan
- Peningkatan/penurunan bilangan aktiviti kebudayaan dan upacara tradisional

KELOMPOK DUA: Penjagaan dan Pemeliharaan Persekitaran Budaya dan Alam Sekitar

Pelancongan lestari membenarkan penggunaan sumberjaya budaya dan semulajadi untuk menjana keuntungan ekonomi, namun pada masa yang sama, perlu “menjamin” agar sumberjaya ini tidak berkurangan atau dimusnahkan.. Tambahan pula, pelancongan juga turut dianggap sebagai pemacu atau pendorong utama untuk mewujudkan dan mengukuhkan usaha perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan nilai budaya. Dua pendekatan utama dalam skop pemeliharaan alam sekitar boleh dikenal pasti di kalangan perniagaan-perniagaan pelancongan. Pendekatan yang pertama ialah pengurusan pengunjung/pelawat yang berfungsi untuk mengurangkan kesan negatif pelancongan terhadap ekosistem dan kepelbagaian bio. Manakala, pilihan yang kedua pula ialah pembiayaan usaha pemuliharaan melalui kaedah kewangan secara langsung atau tidak langsung yang dijana melalui pelancongan.

Penggunaan Sumberjaya Budaya dan Semulajadi Secara Lestari

Pembangunan pelancongan lestari memberikan tumpuan terhadap usaha meminimalkan impak negatif ekologi melalui pengurusan sumber yang lebih cekap seperti praktis pengurangan penggunaan sumber, pengurusan sisa secara teratur dan penggunaan bahan-bahan yang mesra alam. Kaedah saintifik dan teknologi harus digunapakai dalam keadaan-keadaan tertentu. Mengenai sumber budaya dan bukan material yang lain, pendekatan yang bersifat “bertanggungjawab” dan sesuai adalah perlu. Ini bermaksud, budaya tempatan harus dihormati dan dipelihara dengan sentiasa mengekalkan aspek keasliannya.

Setiap bahagian rantaian pelancongan, daripada pengangkutan kepada penginapan dan perkhidmatan berkaitan makan-minum serta aktiviti riadah serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan, perlu menggabungkan praktis pengurusan sumber dalam penganjuran atau pengoperasiannya. Integrasi yang sesuai dengan budaya dan persekitaran dan semulajadi bagi pembinaan projek, infrastruktur dan aktiviti-aktiviti berteraskan pelancongan perlu dijalankan secara terancang dan teliti. Dalam sektor pelancongan, pengiktirafan (pensijilan) atau skim penlabelan untuk kemudahan pelancongan atau perniagaan yang ‘mesra-alam’ atau ‘lestari’ adalah cara yang baik untuk menyatukan kaedah-kaedah ini. Malahan, usaha ini dapat mendidik pelancong dan masyarakat setempat tentang barangan, premis atau perkhidmatan yang diberikan pengiktirafan tersebut untuk terus menghargai dan menjaga sumberjaya sedia ada.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 8:

- Peratusan perniagaan pelancongan dengan pengurusan sumberjaya yang sesuai
- Keberkesanan pengurusan sumberjaya yang boleh diukur (contoh: jumlah sampah yang dijana pelancong atau air yang digunakan pelancong dalam sehari)
- Skala impak diakkibatkan oleh infrastruktur pelancongan (contoh: hakisan tanah, penggunaan kawasan)
- Jenis dan peratusan kemudahan pengangkutan yang digunakan (pelancong menaiki kereta, keretapi, kapal terbang dll., jumlah pelancong yang menggunakan pengangkutan awam)

Perlindungan Warisan Semulajadi.

Untuk memelihara khazanah alam semulajadi dan budaya serantau, pelancongan seharusnya memberi sumbangan langsung terhadap penajaan program pemuliharaan. Ini dapat dicapai melalui pelaksanaan bayaran masuk atau caj letak kenderaan di tarikan-tarikan pelancongan tertentu atau bayaran dan sumbangan (derma) yang dikutip atau disumbangkan oleh pelancong-pelancong individu atau syarikat pelancongan melalui penganjuran acara atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Pembelian produk dan perkhidmatan yang disediakan atau terdapat di tarikan atau acara berkenaan akan menjana dana bagi kawasan tersebut secara langsung. Kerjasama dengan pihak agensi perlindungan dan usaha pemuliharaan peringkat antarabangsa mahupun tempatan adalah amat berguna untuk menyumbang kepada perlindungan ciri-ciri alam semulajadi yang dinikmati pelancong semasa lawatan mereka. Selain sumbangan kewangan, pelancongan lestari juga bermaksud memansuh aktiviti tertentu yang berpotensi menyumbang kepada “kerosakan” dan hanya memilih serta member keutamaan kepada aktiviti yang berupaya menjaga dan melindungi alam semulajadi. Penilaian kriteria ini bukan sahaja harus mengambil kira jumlah wang yang digunakan untuk tujuan pemuliharaan, tetapi juga mengukur kesan sebenar usaha pemuliharaan yang dibiayai. Sumbangan bukan dalam bentuk kewangan, seperti pelancong yang menjadi sukarela juga perlu diambil kira.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 9:

- Jumlah sumbangan pelancongan terhadap pembiayaan usaha pemuliharaan
- Tahap dan jumlah penggunaan kawasan terlindung dan alam sekitar
- Kualiti ekosistem (kepelbagaian-bio, status habitat)
- Jenis dan skala kawasan perlindungan setempat
- Perbelanjaan untuk langkah pemuliharaan
- Peratusan penduduk tempatan yang bekerja dalam aktiviti pemuliharaan

Perlindungan Warisan Budaya

Jika pelancongan mengintegrasikan praktis pengurusan pelawat yang berkesan dengan langkah-langkah penjagaan, ia dapat menyokong usaha pemuliharaan dan penghargaan terhadap produk atau perkhidmatan kebudayaan oleh warga tempatan dan pengunjung atau pelancong asing. Sumbangan pelancongan terhadap pemuliharaan dan promosi kebudayaan dapat direalisasikan melalui beberapa bentuk. Antaranya ialah sokongan secara langsung melalui pembiayaan langkah-langkah pemuliharaan budaya dan pengurusan pelawat. Rekabentuk produk pelancongan, kod tatatertib dan tingkahlaku pelancong serta garis panduan pelancong turut memainkan peranan yang penting bagi penilaian kriteria ini. Malahan, ia turut berperanan dalam memastikan pemeliharaan warisan “kegunaan pelancongan” masa hadapan.

Produk pelancong harus direkabentuk dengan cara yang mengelakkan interaksi negatif budaya yang akan menjurus kepada kehilangan jati diri budaya, ketidakstabilan sosial dan kemerosotan gaya hidup. Lumrahnya, penukaran budaya bukanlah boleh dielakkan secara sepenuhnya, tetapi adalah penting yang pelancongan tidak bertindih dengan keperluan masyarakat setempat dengan inovasi dan perubahan radikal sosial. Secara am, kekacauan struktur cara hidup tempatan harus diminimalkan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 10:

- Sumbangan pelancongan terhadap pemeliharaan produk kebudayaan
- Jumlah perbelanjaan usaha pemeliharaan tarikan kebudayaan dan sejarah
- Bilangan, jenis dan kualiti promosi nilai kebudayaan
- Bilangan perniagaan tempatan yang berkaitan dengan kebudayaan tempatan (kraftangan, muzik, makanan)
- Kewujudan acara tradisi dan tahap penglibatan
- Tahap penggunaan tanah secara tradisional

Peningkatan Kesedaran Terhadap Alam Sekitar

Pelancongan harus menyokong penghargaan sumberjaya semulajadi dan budaya dan menyumbang terhadap kesedaran alam sekitar yang lebih tinggi di kalangan penduduk setempat serta para peniaga. Keadaan di mana elemen alam semulajadi dan kebudayaan yang mempunyai potensi besar sebagai produk ekonomi yang boleh dijual di pasaran pelancongan, boleh membawa kepada usaha yang lebih kuat di kalangan masyarakat setempat dan pihak kerajaan sama ada di peringkat Pusat, Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk menambahbaik lagi aktiviti pendidikan dan perlindungan alam sekitar. Pelancong boleh menyumbang untuk meningkatkan tahap kesedaran dengan memindahkan “pandangan positif” mereka terhadap pemuliharaan dan menggalakan perubahan dalam cara berfikir dan amalan masyarakat setempat dan “semua” pihak berkepentingan ke arah pola dan amalan yang lebih mapan..

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 11:

- Bilangan dan jenis langkah-langkah yang diambil untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan berkaitan aktiviti pemuliharaan
- Peratusan penduduk tempatan yang terlibat dengan aktiviti pemuliharaan
- Peratusan pengurus dan pengendali pelancongan/penginapan dengan latihan, strategi dan polisi alam sekitar
- Peratusan pelancong yang sedar akan kepentingan tapak pemuliharaan
- Peratusan pelancong dan penduduk yang mempunyai kesedaran mengenai pemuliharaan alam sekitar

KELOMPOK TIGA: Kualiti Produk dan Kepuasan Pelancong

Kualiti produk pelancongan yang ditawarkan oleh sesebuah kawasan merupakan faktor utama mencapai kejayaan dalam sesuatu projek pelancongan. Ianya bukan sahaja dibahagikan oleh ciri kebendaan seperti kualiti pengangkutan, penginapan dan makanan tetapi juga ciri bukan kebendaan seperti mesra pelanggan dan kualiti pengalaman. Sekali pandang, kepuasan pelancong mungkin sukar diukur kerana sudut pandang yang berbeza dan subjektif, tetapi analisa yang lengkap berbutir dan berstruktur boleh menjadi sumber maklumat berharga bagi membaiki kualiti produk pelancongan.

Penilaian kriteria boleh dibuat dengan menyemak dan menilai kualiti, atau menggunakan soal selidik untuk mengetahui pendapat pelancong. Bagi mentafsir tahap permintaan pelancong, keperluan mereka dan menilai tahap perkhidmatan, maklumat-maklumat seperti tempat asal mereka (pelancong asing atau tempatan), umur, jantina, pekerjaan, tahap pendidikan, kaedah pelancongan (individu, berkumpulan) dan sebagainya amat diperlukan. Data profil pelancong ini amat diperlukan bagi meningkatkan dan memperbaiki kualiti produk pelancongan.

Kualiti Perkhidmatan dan Pengalaman

Kriteria ini menilai kualiti produk pelancongan yang ditawarkan dalam sesuatu kawasan pelancongan. Ia mengambil kira keseluruhan rantaian dalam pelancongan meliputi pengangkutan, penginapan, makanan dan infrastruktur pengunjung serta kemudahan untuk aktiviti sukan dan riadah, aktiviti kebudayaan dan perkhidmatan lain. Selain itu, kualiti panduan dan maklumat (contohnya panel, risalah), keselamatan, kemesraan dan kepelbagaian aktiviti riadah juga harus dinilai termasuk perkhidmatan istimewa yang ditawarkan terutamanya bagi keluarga yang mempunyai warga berusia serta kurang upaya.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 12:

- Bilangan dan jenis tarikan pelancongan, produk pelancongan dan infrastruktur pelancong
- Kualiti penginapan, makanan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan
- Penilaian kemesraan penyedia khidmat
- Penilaian keselamatan
- Kemudahan mengakses tapak bagi golongan kurang upaya dan warga tua

Kepuasan Pelancong

Kriteria ini pula mengukur “kepuasan pelancong” secara subjektif. Borang soalselidik diedarkan dengan bertanyakan kepada pelancong sama ada mereka berpuas hati dengan kunjungan mereka dan sebab-sebabnya. Melalui kaedah ini, pihak berkuasa akan mengetahui tahap kepuasan pelancong serta memperbaiki produk-produk yang ditawarkan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 13:

- Peratusan pelancong yang berpuas dengan destinasi
- Peratusan sasaran pelancong yang dipenuhi
- Peratusan pelancong yang kembali ke destinasi buat kali kedua dan lawatan susulan

Kualiti Produk Pelancongan

Pematuhan secara terus menerus produk-produk pelancongan dengan paras kualiti yang ditentukan akan membolehkan pengunjung berpuas hati dengan kunjungan yang mereka lakukan. Secara langsung mendorong pelancong sering kembali ke destinasi itu dan mengesyorkan destinasi tadi kepada rakan mereka. Selain pemastian tahap kualiti, usaha patut diambil untuk meningkatkan tahap perbelanjaan pelancong tadi, dan menambah pilihan aktiviti riadah, untuk memanjangkan lagi musim pelancong. Dengan cara ini, kualiti produk pelancongan dan kepuasan yang diperoleh oleh kualiti itu akan menyumbang kepada kejayaan ekonomi dan kelestarian jangka panjang pelancong sesuatu rantau.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 14:

- Penilaian terhadap kewujudan dan kejayaan kawalan mutu
- Bilangan pelancong melakukan kunjungan ulangan
- Peningkatan jumlah bilangan pelancong
- Peningkatan perbelanjaan pengunjung
- Tempoh musim pelancong

Komunikasi Tentang Kelestarian Terhadap Pelancong

Bagi memastikan tujuan pemuliharaan khazanah budaya dan semulajadi tercapai, sesebuah destinasi pelancongan perlulah menyediakan pelbagai maklumat kepada pelancong tentang perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 15:

- Penilaian kewujudan dan kualiti penterjemahan, pendidikan dan maklumat
- Penilaian sikap pelancong
- Penilaian pengetahuan dan sifat pelancong

Pertukaran Budaya Sebagai Pemacu Keamanan

Menurut hukum “mengenali itu penting untuk menghindari ketakutan dan prejudis”, pelancongan lestari juga berupaya menyumbang terhadap pemahaman dan kepuasan antara satu sama lain. Namun demikian, tuntutan ini hanya boleh dipenuhi jika pelancongan menyediakan peluang untuk pertukaran budaya. Oleh itu, kriteria ini berkait rapat dengan criteria “Pengukuhan Corak Sosial dan Kebudayaan” yang dibincang sebelum ini.

Walaupun sukar diukur, kebaikan yang dibawa oleh pertukaran budaya tidak harus diabaikan. Oleh itu, kemasukan topik ini ke dalam set kriteria sekurang-kurangnya membantu perancang mengambilkira aspek ini semasa merancang, menjalankan dan memantau pelancongan di suatu kawasan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 16:

- Penilaian pengalaman pelancong
- Penilaian pengalaman penduduk setempat dan sikap mereka terhadap pelancongan
- Penilaian bahagian-bahagian tertentu pakej pelancongan berkaitan keterlibatan aspek budaya dan sosial
- Penilaian sikap pemandu pelancong dan pelancong terhadap orang tempatan dan resam mereka

KELOMPOK EMPAT: Pengurusan dan Pemantauan

Bagi memastikan pembangunan pelancongan menemui kejayaan, pengurusan dan pemantauan harus diwujudkan. Pembangunan lestari, secara teori, boleh dilaksanakan tanpa pengurusan atau pemantauan, tetapi secara realistik besar kemungkinan ia tidak dapat dilaksanakan tanpa keduanya. Oleh yang demikian, “pengurusan dan pemantauan” merupakan alat yang bertanggungjawab mencapai tujuan lain.

Perancangan dan Pengurusan

Kriteria ini menilai kewujudan dan kualiti pengurusan pelancongan. Sesebuah destinasi pelancongan yang berjaya adalah mempunyai rancangan pembangunan yang bersepadu dengan mengambilkira beberapa aspek meliputi infrastruktur, pengangkutan, pecahan gunatanah yang bersesuaian, pengurusan pelawat bagi lokasi-lokasi tumpuan pelancong serta garis panduan dan peraturan terhadap pelancong dan pengusaha pelancongan bagi meminimakan kesan negatif pelancongan terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial. Perancangan dan pengurusan dikira berjaya jika ianya dapat memastikan pekekalan kualiti tapak. Kualiti ini pula dapat diukur menggunakan penunjuk-penunjuk yang telah terbukti keberkesannya dalam mengesan tahap pemeliharaan kepelbagaian bio (rujuk kriteria 9).

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 17:

- Kewujudan dan kualiti rancangan pengurusan, peraturan pengunjung dan langkah-langkah pengawasan/pemantauan
- Kewujudan pengezonan untuk tujuan pelancongan, peraturan dan kod tata tertib
- Bilangan pekerja yang terlibat dalam pengurusan pelancong dan perkhidmatan pengunjung (nisbah pekerja dengan pelancong)
- Tahap latihan (pengawal, pemandu pelancong, maklumat, penyediaan makanan, pengurusan dsb.)

- Kewujudan dan kualiti kemudahan asas bagi pengunjung (akses, tandas, makanan, tempat letak kereta) mengikut jumlah pengunjung
- Kewujudan dan kualiti pusat maklumat/pengunjung, bahan bacaan (panel, risalah), lawatan berpandu, jejak, jalan basikal, tanda-tanda (jarak jejak, bilangan dan bahasa tanda-tanda)

Keupayaan Daya Tampung

Daya tampung setiap destinasi pelancongan perlu ditentukan bagi memastikan pelancongan mapan dapat dicapai. Ia terdiri daripada jumlah pelancong, pengagihan pelancong sepanjang tahun, jenis penggunaan dan tahap kekerapan penggunaannya. Adalah penting pihak pengurusan bukan sahaja menentukan kapasiti bawaan, tetapi juga menguatkuasakan garis panduan yang ditetapkan.

Tanda Aras Umum bagi Kriteria 18:

- Mewujudkan had daya tampung
- Mewujudkan sistem pendaftaran pelancongan yang bersesuaian
- Mewujudkan proses perancangan dan pembangunan gunatanah meliputi pelancongan
- Peratusan kawasan yang dicadang dan dibangunkan bagi kegunaan pelancongan
- Mewujudkan kriteria terperinci dalam mengawal pembangunan pelancongan meliputi bilangan maksimum hotel / katil, kepadatan standard dan kawalan rekabentuk
- Penguatkuasaan peraturan secara sistematik bagi mengawal jumlah pelancong

KESIMPULAN

Pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi bakal memberikan pertimbangan terhadap aspek-aspek seperti aktiviti-aktiviti yang ditawarkan kepada pelancong atau pelawat, impak-impak yang bakal dijana, penggunaan dan pengurusan sumberjaya di destinasi dan pelbagai pertimbangan lain yang berkaitan. Atas kesedaran menjaga dan terus mengekalkan sumberjaya pelancongan untuk sama-sama dinikmati oleh generasi sekarang dan generasi yang masa hadapan tanpa mengorbankan nilai-nilai setempat, penerapan nilai-nilai kelestarian dalam setiap bentuk pembangunan pelancongan adalah merupakan antara alternatif dan jalan penyelesaian yang terbaik. Justeru, dalam membangunkan sebarang projek pelancongan yang mapan, maka setiap projek atau perancangan yang berkaitan adalah perlu dipastikan agar ianya mematuhi prinsip-prinsip kelestarian yang berkaitan dengan bidang pelancongan. Dalam konteks ini, kriteria dan tanda aras kelestarian yang dicadangkan mampu menjadi penunjuk dan memandu arah kepada satu bentuk pembangunan yang dapat memuaskan hati “semua”. Walaubagaimanapun, bagi tujuan kawalan dan pemantauan yang lebih praktikal terhadap aktiviti berkaitan pembangunan projek dan memastikan kejayaannya, penjelasan menyeluruh tentang kriteria umum yang disarankan untuk diterima pakai dalam perancangan dan pembangunan pelancongan di Kuala Kedah adalah amat penting untuk dilakukan.

RUJUKAN

- Butler, R.W. (1998). Sustainable tourism-Looking backwards in order to progress? In C.M. Hall & A.A. Clayton, C., Jose, G.D.S. (1999). *Tourism in Rural Area As a New Opportunity For Small farmers*. UNICAMP. Campinas.
- deKadt, E. (1992). Making the alternative sustainable: Lessons from development for tourism. In V. Smith and W. Eadington (Eds.), *Tourism alternatives: Potentials and problems in the development of tourism* (pp. 47-75). Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Federation of Nature and National Parks of Europe (1993). *Loving them to death? Sustainable tourism in Europe's nature and national parks*. Belgium, FNNPE.
- French, H. F. (1998). *Investing in the future: harnessing private capital flows for environmentally sustainable development*. Washington D. C.: Worldwatch Institute.
- Garrod, B. & Fyall, A. (1998) Beyond the rhetoric of sustainable tourism? *Tourism Management* 19(3), 199-212.
- Godfrey, K. and Clarke, J. (2000). *The Tourism Development Handbook: A Practical Approach to Planning and Marketing*. London: Continuum.

- Goeldner, C. R. and Ritchie, J. R. B. (2003). *Tourism: principles, practices, philosophies*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Inskip, E. (1991). *Tourism planning: an integrated and sustainable development approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad. (2010). *Perancangan dan Pembangunan Pelancongan*. Sintok Kedah Darul Aman: Universiti Utara Malaysia.
- Lickorish, L. J. and Jenkins, C. L. (1999). *An introduction to tourism*. London: Butterworth-Heinemann.
- Mathieson, A. and Wall, G. (1982). *Tourism: economic, physical and social impacts*. Singapore: Longman Singapore Publishers (Pte) Ltd.
- Milne, S. (1998). Tourism and sustainable development: Exploring the global-local nexus. In C.M. Hall. & A.A. Lew (Eds.), *Sustainable tourism: A geographical perspective* (pp. 35-48). Essex, UK: Longman.
- Mohamad Zaki Ahmad (2011) (Analisis Awalan Data bagi kajian Phd bertajuk: Sikap dan Persepsi Masyarakat Nelayan terhadap Pembangunan Pelancongan di Kuala Kedah: kea rah Pembangunan Pelancongan Lestari) Tidak Diterbitkan.
- Sharpley, R. (2000). Tourism and sustainable development: Exploring the theoretical divide. *Journal of Sustainable Development*, 8(1), 1-19.
- Swarbrooke, J. (1999). *Sustainable tourism management*. Wallingford, UK: CABI.
- Tosun, C. (2006). 'Expected Nature of Community Participation In the Tourism Development'. *Tourism Management*.
- Wall, G. (1997). Sustainable tourism-Unsustainable development. In S. Wahab & J.J. Pigram (Eds.), *Tourism, development and growth: The challenge of sustainability* (pp. 33-49). London: Routledge.
- Wall, G. (1994). Ecotourism: Old wine in new bottles? *Trends*, 31(2), 4-9.
- Wanhill, S. (1997). 'Introduction – Tourism Development: Environment and Community Issues'. John Wiley & Sons : New York.
- Weaver, D.B. (1998). *Ecotourism in the less developed world*. New York: CAB International.
- World Tourism Organization (WTO) (2000a). *Tourism highlights 2000*. Madrid: World Tourism Organization.
- World Tourism Organization (WTO) & United Nations Environmental Programme (UNEP) (2000). *International year of ecotourism 2002*. Brochure.
- World Tourism Organization (WTO) (1999). *Tourism and sustainable development: Report of the Secretary General, United Nations Economic and Social Council, Commission on Sustainable Development*, Seventh Session, 19-30 April, 1999.
- World Tourism Organization (WTO) (1998). *Guide for local authorities on developing sustainable tourism*. Madrid: World Tourism Organization.
- World Tourism Organization & International Hotel and Restaurant Association (WTO & IHRA) (1999). *Tourism and sustainable development: The global importance of tourism*. Background paper #1. Geneva: United Nations Department of Economic and Social Affairs.
- Young, G. (1973). *Tourism: Blessing or blight?* Harmondsworth, UK: Penguin.

JADUAL 1: Prinsip-Prinsip Terpenting Bagi Pembangunan Pelancongan Lestari

<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan sepatutnya dimulakan dengan bantuan input dalam bentuk pandangan dan pendapat yang lebih luas dan terbuka daripada masyarakat setempat di mana mereka juga perlu mengekalkan kawalan terhadap pembangunan pelancongan yang berkaitan.
<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan perlu dapat menawarkan pekerjaan berkualiti kepada masyarakat tempatan dan satu gabungan atau hubungan antara perniagaan tempatan dan pelancongan perlu diwujudkan.
<ul style="list-style-type: none"> • Satu kod amalan pelancongan perlu diwujudkan di semua peringkat meliputi negara, negeri dan tempatan berdasarkan piawaian yang telah diterima antarabangsa. Garis panduan pengoperasian pelancongan, penilaian impak, pemantauan kesan-kesan kumulatif, dan had kepada perubahan yang boleh diterima (<i>limits of acceptable change</i>) perlu dibangunkan.
<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan program pendidikan dan latihan untuk menguruskan warisan dan sumber asli.



RAJAH 1: Kriteria dan Tanda Aras Kelestarian